

Dr. Amir sarjana tamu SC-OCIS

TIMBALAN Dekan (Akademik dan& Penyelidikan) di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Amir Shaharuddin dipilih sebagai Felo Pelawat pertama bagi Program Sarjana Tamu Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM)-OCIS.

Program tersebut merupakan sebahagian daripada kerjasama di antara SSM dan Pusat Pengajian Islam Oxford (OCIS), United Kingdom (UK).

Ia juga meliputi objektif untuk menggalakkan wacana intelek dan penyelidikan terhadap isu-isu kontemporari dan berkaitan dengan kewangan Islam global.

Program Sarjana Tamu SC-OCIS adalah sebagai pelengkap kepada program

penting di bawah kerjasama tersebut iaitu Sidang Meja Bulat tahunan SC-OCIS yang merupakan sebuah platform kepimpinan pemikir bagi sarjana syariah, ahli akademik, pengawal selia dan pengamal kewangan Islam untuk berbincang dan bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu kontemporari dalam kewangan Islam.



AMIR SHAHARUDDIN

Dr. Amir memiliki ijazah kedoktoran (Ph.D) dalam Pengajian Islam dari Exeter University, UK dan sepanjang kerjayanya telah menjalankan banyak penyelidikan dalam pelbagai aspek kewangan Islam.

Sebagai Felo Pelawat, Dr. Amir bakal menjalankan penyelidikan mengenai pembinaan model bagi menyepadukan

peraturan syariah dalam kewangan Islam. Matlamatnya menganalisis perbezaan dalam amalan di antara bidang-bidang kuasa, dan akan cuba membentuk asas yang mana isu-isu kontemporari fikah dalam kewangan Islam.

Selepas tempoh sebagai Felo Pelawatnya berakhir, Dr. Amir akan membentangkan hasil penyelidikannya forum antarabangsa yang akan dikenal pasti bersama oleh SC dan OCIS.

Beliâu juga akan membantu menggalakkan aktiviti rentas sempadan yang lebih besar sebagai pendorong kepada perkembangan dan pertumbuhan kewangan Islam di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

Program SC-OCIS Sarjana Tamu yang diadakan buat julung kalinya ini dibuka untuk pencalonan dalam bulan April tahun ini dan telah menerima 12 permohonan daripada pengamal kewangan Islam dan ahli akademik di seluruh dunia.